



## SIARAN MEDIA

### STATUS SEMASA PROJEK RESIDENSI HEKTAR GOMBAK (RESIDENSI WILAYAH) OLEH HEKTAR ANEKA SDN. BHD.

---

**PUTRAJAYA, 22 Januari 2024** - Projek perumahan Residensi Hektar Gombak merupakan salah satu projek perumahan di bawah program Kerajaan Persekutuan iaitu Kementerian Wilayah Persekutuan (Residensi Wilayah) yang dimajukan oleh pemaju Hektar Aneka Sdn. Bhd. Pemajuan ini merupakan pembangunan bercampur yang terdiri daripada 5 blok bangunan pangsapuri 46 tingkat melibatkan 2,400 unit rumah dan lokasi pemajuan ini terletak di Jalan Gombak, Setapak, Kuala Lumpur. Projek ini dilesenkan di bawah Akta Pemajuan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118].

Menurut Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Datuk Hajah Aiman Athirah, “Residensi Hektar Gombak telah diklasifikasikan sebagai projek sakit kerana mengalami kelewatan berbanding jadual kerja yang ditetapkan dalam Perjanjian Jual Beli (PJB) dan telah gagal untuk disiapkan dalam tempoh PJB. Status kemajuan sebenar di tapak kekal sebanyak 84.75% dan kerja-kerja di tapak hanya minimal dan tidak memberikan kemajuan yang signifikan”.

Pasukan *Task Force* Projek Perumahan Swasta Sakit dan Terbengkalai (TFST) yang ditubuhkan pada tahun 2023 telah mengadakan beberapa sesi libat urus bersama pemaju dan turun ke tapak projek ini sebagai langkah mitigasi daripada Kerajaan MADANI dan berjaya memudahcara menyelesaikan isu-isu teknikal yang melibatkan Pemasangan Paip Utama Di Bawah Skim Bekalan Air Bersepadu (IWSS), *Sewage Treatment Plan* (STP) dan Pemasangan Paip Greater KL (GKL). Walau bagaimanapun status kemajuan projek ini masih tertangguh berikutan masalah kewangan yang dihadapi oleh pemaju.

KPKT masih mengekalkan status projek ini di bawah kategori sakit dan akan terus membantu pemaju bagi mendapatkan bantuan pinjaman kewangan untuk menyiapkan projek tersebut. Walau bagaimanapun pemaju hendaklah akur dan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh institusi kewangan bagi memastikan dana pinjaman diluluskan kepada pemaju berkenaan. KPKT sedia memperhalusi alternatif terbaik untuk membantu pemulihan projek perumahan sakit terutamanya bagi rumah mampu milik demi kemaslahatan pembeli rumah yang terpaksa menanggung pembiayaan perumahan di samping kos menyewa rumah sedia ada.

KPKT melalui TFST komited meneruskan agenda nasional dalam membantu pemulihan projek-projek perumahan swasta yang bermasalah sama ada dalam kategori lewat, sakit atau terbengkalai bagi memastikan kepentingan pembeli rumah terpelihara seterusnya mengurangkan beban rakyat bagi menjamin kelestarian industri perumahan mampu milik secara keseluruhan.

*#MalaysiaMadani*  
*#StrongerTogether*  
*#DemiPertwi*  
*#UnityInDiversity*

---

*Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).*

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)*

